



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

JADUAL WAKTU UJIAN, ARAHAN, AMARAN, DAN PERINGATAN KEPADA CALON *MUET on DEMAND (MoD)*

**SESI OGOS, SEPTEMBER, OKTOBER,
NOVEMBER, DAN DISEMBER 2020**

ARAHAN AM

- Waktu ujian adalah berbeza-beza mengikut kertas. Calon dikehendaki menyemak waktu ujian sebenar bagi setiap kertas mengikut sesi ujian.
- Masa yang dibenarkan bagi sesuatu kertas adalah seperti yang dinyatakan dalam petak bersempena dengan nama kertas berkenaan. **MASA TAMBAHAN TIDAK DIBENARKAN.** Masa untuk membaca soalan adalah termasuk dalam masa yang dinyatakan bagi kertas berkenaan.
- Calon dikehendaki membaca **ARAHAN, AMARAN, dan PERINGATAN** yang diberikan dalam Jadual Waktu Ujian ini.
- Calon **tidak** dibenarkan membawa Jadual Waktu Ujian, Arahan, Amaran, dan Peringatan Kepada Calon ini ke dalam dewan/bilik ujian.
- Calon **dilarang** membawa masuk sebarang dokumen, peranti, beg atau bekas menyimpan alat tulis ke dalam dewan/bilik ujian.
- Calon yang mengambil ujian ini **dinasihati** supaya berpakaian kemas dan sesuai, dan sentiasa mengikut tata tertib di dalam dewan/bilik ujian.
- Calon dikehendaki mempamerkan kad pengenalan (calon warganegara) atau pasport asal (calon bukan warganegara) sepanjang ujian berlangsung.
- Angka giliran dan pusat ujian calon adalah seperti yang tercatat dalam slip pendaftaran (*registration slip*), iaitu **MUET/D**.
- Calon **tidak** dibenarkan keluar dalam tempoh 10 minit selepas ujian bermula dan dalam tempoh 10 minit sebelum ujian tamat bagi kertas *Listening* (800/1) dan kertas *Speaking* (800/2)
- Calon **tidak** dibenarkan keluar dalam tempoh 30 minit selepas ujian bermula dan dalam tempoh 30 minit sebelum ujian tamat bagi kertas *Reading* (800/3) dan kertas *Writing* (800/4)

**JADUAL WAKTU UJIAN MUET (READING, LISTENING, WRITING, DAN SPEAKING)
MUET on DEMAND (MoD)
SESI OGOS, SEPTEMBER, DAN OKTOBER TAHUN 2020**

TARIKH	WAKTU CALON PERLU BERADA DI BILIK KUARANTIN	WAKTU CALON PERLU BERADA DI DEWAN/ BILIK UJIAN	WAKTU UJIAN	MASA	KOD KERTAS	NAMA KERTAS		
**22 Ogos 2020 (Sabtu)	-	8:00 pagi	8:30 pagi – 10:00 pagi	1½ jam	800/3	<i>Reading</i>		
		10:15 pagi	10:30 pagi – 11:00 pagi	½ jam	800/1	<i>Listening</i>		
		11:15 pagi	11:30 pagi – 1:00 petang	1½ jam	800/4	<i>Writing</i>		
	2:15 petang	2:20 petang	2:30 petang – 3:00 petang	½ jam	800/2	<i>Speaking</i>		
			3:15 petang – 3:45 petang	½ jam				
		3:45 petang	3:50 petang	4:00 petang – 4:30 petang			½ jam	
4:45 petang – 5:15 petang	½ jam							
*19 September 2020 (Sabtu)	-	7:30 pagi	8:00 pagi – 9:30 pagi	1½ jam			800/3	<i>Reading</i>
		10:15 pagi	10:30 pagi – 12:00 tgh.	1½ jam			800/4	<i>Writing</i>
		12:15 tgh.	12:30 tgh. – 1:00 petang	½ jam	800/1	<i>Listening</i>		
	2:15 petang	2:20 petang	2:30 petang – 3:00 petang	½ jam	800/2	<i>Speaking</i>		
			3:15 petang – 3:45 petang	½ jam				
		3:45 petang	3:50 petang	4:00 petang – 4:30 petang			½ jam	
4:45 petang – 5:15 petang	½ jam							
*17 Oktober 2020 (Sabtu)	-	8:00 pagi	8:30 pagi – 10:00 pagi	1½ jam			800/3	<i>Reading</i>
		10:15 pagi	10:30 pagi – 11:00 pagi	½ jam			800/1	<i>Listening</i>
		11:15 pagi	11:30 pagi – 1:00 petang	1½ jam	800/4	<i>Writing</i>		
	2:15 petang	2:20 petang	2:30 petang – 3:00 petang	½ jam	800/2	<i>Speaking</i>		
			3:15 petang – 3:45 petang	½ jam				
		3:45 petang	3:50 petang	4:00 petang – 4:30 petang			½ jam	
4:45 petang – 5:15 petang	½ jam							

Nota:

- * Tarikh ujian tertakluk kepada pindaan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia serta arahan dan syarat Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang dikeluarkan oleh kerajaan.
- ** Calon yang telah mendaftar untuk menduduki ujian MUET on Demand (MoD) pada 28 Mac 2020 (sesi Mac 2020) akan menduduki ujian MoD pada 22 Ogos 2020 (Sesi Ogos 2020).

**JADUAL WAKTU UJIAN MUET (READING, LISTENING, WRITING, DAN SPEAKING)
MUET on DEMAND (MoD)
SESI NOVEMBER DAN DISEMBER TAHUN 2020**

TARIKH	WAKTU CALON PERLU BERADA DI BILIK KUARANTIN	WAKTU CALON PERLU BERADA DI DEWAN/ BILIK UJIAN	WAKTU UJIAN	MASA	KOD KERTAS	NAMA KERTAS	
*7 November 2020 (Sabtu)	-	8:00 pagi	8:30 pagi – 10:00 pagi	1½ jam	800/3	<i>Reading</i>	
		10:15 pagi	10:30 pagi – 11:00 pagi	½ jam	800/1	<i>Listening</i>	
		11:15 pagi	11:30 pagi – 1:00 petang	1½ jam	800/4	<i>Writing</i>	
	2:15 petang	2:20 petang	2:30 petang – 3:00 petang	½ jam	800/2	<i>Speaking</i>	
			3:15 petang – 3:45 petang	½ jam			
		3:45 petang	3:50 petang	4:00 petang – 4:30 petang			½ jam
				4:45 petang – 5:15 petang			½ jam
*5 Disember 2020 (Sabtu)	-	8:00 pagi	8:30 pagi – 10:00 pagi	1½ jam	800/3	<i>Reading</i>	
		10:15 pagi	10:30 pagi – 11:00 pagi	½ jam	800/1	<i>Listening</i>	
		11:15 pagi	11:30 pagi – 1:00 petang	1½ jam	800/4	<i>Writing</i>	
	2:15 petang	2:20 petang	2:30 petang – 3:00 petang	½ jam	800/2	<i>Speaking</i>	
			3:15 petang – 3:45 petang	½ jam			
		3:45 petang	3:50 petang	4:00 petang – 4:30 petang			½ jam
				4:45 petang – 5:15 petang			½ jam

Nota:

- * Tarikh ujian tertakluk kepada pindaan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia serta arahan dan syarat Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang dikeluarkan oleh kerajaan.

ARAHAN

1. Calon hendaklah berada di tempat duduk di dalam dewan/bilik ujian **30 minit sebelum ujian bermula** bagi kertas *Reading* 800/3, dan **15 minit sebelum ujian bermula** bagi kertas *Listening* (800/1), dan *Writing* (800/4). Bagi ujian kertas *Speaking* (800/2), calon **Sidang 1 dan Sidang 2** (rujuk slip pendaftaran (**registration slip**), iaitu **MUET/D**) dikehendaki berada di bilik kuarantin **15 minit** sebelum ujian kumpulan pertama setiap sidang bermula.
2. Calon dikehendaki meletakkan **kad pengenalan asal atau pasport asal** dan **slip pendaftaran (registration slip)**, iaitu **MUET/D** di atas meja sepanjang masa ujian dijalankan. Calon mungkin **tidak** dibenarkan mengambil ujian sekiranya calon **tidak** membawa kedua-dua dokumen ini. Calon hendaklah **mencetak** slip pendaftaran (*registration slip*), iaitu MUET/D daripada portal MPM <http://apps.mpm.edu.my/mod/public/register>
3. Calon hendaklah memberitahu Pengawas dengan **serta-merta** jika calon diberi kertas soalan yang lain daripada yang dijadualkan bagi waktu ujian berkenaan.
4. **Calon MoD secara computer based test (CBT)** hendaklah menulis jawapan dengan menggunakan komputer. Manakala **calon MoD secara paper based test (PBT)** pula hendaklah menulis jawapan dengan menggunakan pena mata bola berdakwat **hitam** atau **biru** pada kedua-dua belah halaman kertas jawapan **melainkan** jika terdapat arahan pada kertas soalan yang melarang calon berbuat demikian.
5. **Calon MoD secara PBT** hendaklah menulis nombor kad pengenalan atau nombor pasport, nombor pusat dan angka giliran, kod dan nama kertas, tahun dan sesi ujian MoD dengan jelas dalam ruang yang disediakan pada helaian pertama dan pada helaian-helaian yang berikutnya dalam kertas jawapan calon.
6. **Calon MoD hendaklah menulis** nombor kad pengenalan atau nombor pasport dan angka giliran pada muka hadapan kertas soalan.
7. **Calon MoD secara PBT** hanya boleh menggunakan pensel **2B** sahaja untuk menjawab soalan jenis aneka pilihan.
8. **Calon MoD secara CBT** dilarang menekan *button* “*Test End*” pada skrin komputer sekiranya ingin terus menjawab soalan. Tindakan calon menekan *button* “*Test End*” sebelum selesai menjawab soalan akan menyebabkan calon tidak boleh lagi menjawab soalan yang dikemukakan pada skrin komputer.
9. **Calon MoD secara CBT** yang telah selesai menjawab soalan yang dikemukakan dikehendaki menekan *button* “*Test End*”.
10. Apabila calon diarahkan berhenti menulis, **calon MoD secara PBT** dikehendaki menyusun dan mengikat semua kertas jawapan dengan kemas mengikut tertib **KEUTAMAAN**. Bagi **calon MoD secara CBT** pula, komputer yang digunakan secara automatik akan memberhentikan sistem yang digunakan oleh calon untuk menjawab soalan. Ini menandakan masa menjawab soalan telah pun tamat. Calon hendaklah duduk di tempat duduk masing-masing sehinggalah dibenarkan keluar oleh Ketua Pengawas.
11. Sila ambil **perhatian** bahawa:
 - (a) **Calon MoD secara PBT** mesti menggunakan kertas tulis (MPM/P1.2) yang dibekalkan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia bagi menjawab soalan secara bertulis. Calon **tidak dibenarkan** melipat kertas tulis yang dibekalkan untuk mengelakkan calon daripada disyaki membawa masuk kertas tulis. Jika calon menerima kertas tulis yang mempunyai kesan lipatan, serahkan kertas itu semula kepada Pengawas.
 - (b) Calon **tidak dibenarkan** membawa keluar kertas soalan dan kertas tulis dari dewan/bilik ujian.
 - (c) Calon **MoD secara CBT dan PBT** sama sekali **tidak dibenarkan** merokok di dalam dewan/bilik ujian.
 - (d) Calon dikehendaki berpakaian kemas dan sopan semasa menduduki ujian.
11. Alat seperti telefon bimbit, kamera, radio, perakam suara, dan apa-apa peranti elektronik berkeupayaan *bluetooth/wifi* **tidak** boleh dibawa masuk ke dalam dewan/bilik ujian **kecuali** yang dibenarkan oleh Ketua Pengawas (untuk calon istimewa yang memerlukan keperluan khas).

AMARAN

1. Semasa menduduki peperiksaan/ujian ini, calon diberi amaran:
 - (a) *Tidak boleh membawa apa-apa buku, nota, kertas, dokumen, gambar atau apa-apa peranti lain kecuali apa yang dibenarkan oleh Ketua Pengawas, ke dalam atau ke luar dari bilik atau dewan peperiksaan/ujian;*
 - (b) *Tidak boleh menerima apa-apa buku, kertas, dokumen, gambar atau apa-apa peranti lain daripada sesiapa sahaja semasa berada di dalam bilik atau dewan peperiksaan/ujian: kecuali daripada Ketua Pengawas atau Pengawas yang dibenarkan oleh Majlis;*
 - (c) *Tidak boleh berhubung dengan mana-mana calon lain atau mana-mana orang semasa peperiksaan/ujian berlangsung walau dengan apa cara sekalipun kecuali dengan kebenaran Ketua Pengawas atau Pengawas;*
 - (d) *Tidak boleh melanggar atau tidak mematuhi apa-apa arahan Majlis, Ketua Pengawas atau Pengawas;*
 - (e) *Tidak boleh membuat gangguan di dalam atau di sekitar bilik atau dewan peperiksaan/ujian;*
 - (f) *Tidak boleh bersubahat dengan seorang lain dengan tujuan untuk menipu;*
 - (g) *Tidak boleh menipu dengan cara berpura-pura menjadi seorang yang lain, atau dengan disedarinya menggantikan seorang dengan seorang yang lain;*
 - (h) *Tidak boleh menipu atau cuba menipu atau berkelakuan dengan cara yang dianggap sebagai menipu atau cuba menipu untuk tujuan peperiksaan/ujian itu.*
2. Jika calon melakukan mana-mana daripada perbuatan yang dilarang di atas semasa berlangsungnya peperiksaan/ujian, calon akan didakwa di bawah kaedah 3 dan kaedah 4 dalam kaedah-kaedah majlis Peperiksaan Malaysia (tatacara dalam kes salah laku) 1986, di bawah Majlis Peperiksaan Malaysia 1980 (Akta 225), dan boleh didakwa melakukan perbuatan salah laku.

MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA
Persiaran 1, Bandar Baru Selayang
68100 BATU CAVES
Selangor Darul Ehsan

(u.p Setiausaha Bahagian, Bahagian Pembinaan dan Pengendalian Kompetensi)

Telefon: 03-6126 1634

Faksimili: 03-6136 1781

Portal MPM: www.mpm.edu.my

E-mel: bpkom@mpm.edu.my